



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

**Presiden**

DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

**Timbalan Presiden**

KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

**Naib Presiden**

MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)  
SALIZA BT ABDULLAH  
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

**Setiausaha Kehormat**

KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

**Bendahari Kehormat**

IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

**Penolong Setiausaha**

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

**Penolong Bendahari**

DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

**Ahli-ahli Jawatankuasa**

DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT  
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)  
MOHD YUSOFF B. M DAUD  
ADNAN B. ABDULLAH  
ADILA B. DATO' ABDULLAH  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN  
TUDM(B)  
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA  
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU  
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

**Juraudit Dalam**

MOHD HODORI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

**Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur**

DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

**Pengerusi Zon Selangor**

DATUK SHANKER RAJ AYANGER

**Pengerusi Zon Johor**

DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

**Pengerusi Zon Perak**

ZAITON BT MOHD NUSI

**Pengerusi Zon Kelantan**

AFENDI BIN MUKHTAR

**Pengerusi Zon Pahang**

MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

**Pengerusi Zon Pulau Pinang**

MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

**Pengerusi Zon Kedah & Perlis**

DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

**Pengerusi Zon Melaka**

DATO' GAN PENG LAM

**Pengerusi Zon Negeri Sembilan**

MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

**Pengerusi Zon Sabah**

KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

**Pengerusi Zon Sarawak**

SHAHARUDDIN B. SAMSI

**Sekretariat**

**Pengurus Besar**

JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2021(25)

16 JUN 2021

**SEMUA AHLI PIKM**

(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PIKM KE-25/2021:**  
**PENANGGUHAN KEPERLUAN MENGHADIRI PROGRAM LATIHAN CERTIFIED SECURITY GUARDS (CSG), CERTIFIED BODYGUARD (CBG) DAN TRAINED NEPALESE GUARDS (TNG) SUSULAN ISU PENULARAN WABAK COVID-19 BAGI SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk serta surat Kementerian Dalam Negeri (KDN) kepada Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) rujukan KDN.KK.S.700-1/3/3 bertarikh 24 Mei 2021, yang disalinkan kepada PIKM turut berkaitan.

2. Sebagaimana yang dimaklumkan melalui surat tersebut, Program Latihan *Certified Security Guards (CSG)*, *Certified Bodyguard (CBG)* dan *Trained Nepalese Guards (TNG)* telah **DITANGGUHKAN** buat sementara waktu sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak susulan isu penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

3. Surat ini adalah lanjutan daripada maklum balas yang diterima daripada ahli-ahli yang menyediakan perkhidmatan kepada KPM terutamanya di sekolah, berhubung keperluan oleh beberapa Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk syarikat mengemukakan surat terkini berhubung penangguhan latihan CSG daripada KDN, dan tidak menerima pakai surat pemakluman penangguhan bertarikh 13 Mac 2020.

4. Surat KDN seperti di lampiran ini boleh digunapakai oleh ahli-ahli PIKM yang menjalankan perkhidmatan di bawah KPM, termasuk mana-mana agensi yang memerlukan ketetapan seperti yang dijelaskan pada perenggan di atas.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF  
PRESIDEN**



KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
BAHAGIAN KESELAMATAN  
ARAS 9 & 10, BLOK D1, KOMPLEKS D,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62546 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-8889 1763/1751  
Web : www.moha.gov.my

Ruj Kami : KDN.KK.S.700-1/3/3

Tarikh: 24 Mei 2021

**YBrs. Encik Suliman bin Abd Rahman**  
**Setiausaha Bahagian**  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**  
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset  
Aras 5, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya

No Faks: 03-88846824

Tuan,

**PENANGGUHAN KEPERLUAN MENGHADIRI PROGRAM LATIHAN  
CERTIFIED SECURITY GUARDS (CSG), CERTIFIED BODYGUARD (CBG)  
DAN CERTIFIED NEPALESE GUARDS (TNG) SUSULAN ISU PENULARAN  
WABAK COVID-19 BAGI SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, susulan isu penularan pandemik COVID-19 di Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memutuskan supaya program latihan *Certified Security Guards* (CSG), *Certified Bodyguards* (CBG) dan *Certified Nepalase Guards* (TNG) ditangguhkan serta merta. Rentetan itu, kebanyakan syarikat kawalan keselamatan tidak dapat menghantar pengawal keselamatan menghadiri program-program latihan tersebut.

3. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan syarat kepada syarikat kawalan keselamatan bahawa pengawal keselamatan diwajibkan menjalani program latihan CSG bagi memastikan pengawal keselamatan yang terlibat terlatih dan mempunyai pengetahuan asas menjaga keselamatan diri dan harta benda awam. Untuk makluman tuan, KDN **bersetuju** untuk menangguhkan keperluan mewajibkan menghadiri program latihan CSG, TNG dan CBG kepada pengawal keselamatan sehingga tarikh akan dimaklumkan kelak. Sehubungan dengan itu, Kementerian memohon pertimbangan KPM supaya syarat tersebut dikecualikan sehingga kursus tersebut dapat dilaksanakan kembali.



4. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ZULKIFLI BIN ABIDIN)**

Bahagian Keselamatan  
b.p: Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

S.k.:

YBhg. Datuk KSU

YBhg. Dato' TKSU (K)

SUB (PKK)

 **Presiden**

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)  
No. 715 & 716, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre  
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya,  
SELANGOR.

No. Faks: 03-78038691